

# Aktiviti pertanian tingkatkan produktiviti pendapatan

Oleh MOHAMMAD YASIR JAAFAR

PADA tahun 2004, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menyarankan agar usaha untuk meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan diberi penekanan.

Selaras dengan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah dipertanggungjawabkan dalam mengenal pasti aktiviti-aktiviti tambahan dalam usaha meningkatkan produktiviti seterusnya menjana pendapatan tambahan.

Justeru itu, pada tahun 2005, Program Mempelbagai dan Menambah Pendapatan Petani, Penternak dan Nelayan (MMPPPN) telah dibentuk.

Menerusi program tersebut, pemberian dan pengagihan bantuan berbentuk peralatan pemprosesan, modal dan khidmat nasihat kepada para pengusaha yang berpotensi secara individu mahupun berkelompok.

Antara matlamat dan objektif utama MMPPN adalah bagi memastikan dasar dan program sektor pertanian diberi penekanan dalam menjalankan aktiviti tambahan dan nilai tambah bagi mengurangkan kadar kemiskinan golongan berkenaan.

Objektif lain termasuk pengukuhan taraf sosio ekonomi, penyelesaran kerjasama kementerian dan kerajaan negeri dalam pelaksanaan projek dan mempertingkatkan program latihan, pembangunan insan



**PRODUK** asas tani adalah lambang kejayaan pembangunan ekonomi luar bandar.

serta pelbagai program yang membina.

Selain itu, melalui MMPPN, individu yang memenuhi syarat layak akan dipertimbangkan dalam pemberian bantuan modal berbentuk geran percuma bergantung kepada keperluan dan kos projek cadangan.

Bantuan yang diterima tidak melebihi jumlah RM10,000 bagi setiap pemohon dan ini bertujuan untuk menyelenggara keperluan kos dari segi pembelian peralatan, pembinaan atau naik taraf fasiliti, bahan mentah dan pembungkusan.

Sejak program tersebut dilancarkan hingga ke 2007, ia berjaya melahirkan seramai 6,191 termasuk dari Sabah dan Sarawak.

Dalam erti kata lain, MMPPPN membantu golongan berkenaan untuk mempelbagaikan hasil untuk dijadikan produk.

Projek-projek yang dijalankan banyak menumpukan terhadap projek pemprosesan yang dibahagikan mengikut sektor.

Sebagai contoh, produk yang boleh dihasilkan melalui hasil tanaman adalah seperti kerepek ubi dan pisang, kuih tradisional, baja kompos,

produk sejuk beku, sos, jus dan jeruk.

Sementara bagi sektor produk-produk seperti ikan, ikan kering, bebola ikan, pok ikan, belacan, ikan salangin, budu, dan sate ikan dihasilkan.

Manakala produk yang dihasilkan melalui sektor ini adalah seperti nuget ayam, runding daging, dadiah dan sebagainya.

Secara umumnya, MMPPPN telah menunjukkan kemajuan yang amat memberangsangkan dalam mencapai objektifnya.

Ini berlaku kerana sepanjang program ini mula dilaksanakan peserta bertambah dari tahun ke tahun.

Pada tahun 2006, peserta seramai 2,461 orang berdaftar penyertaan pada peringkat daerah hanya berjumlah 599 orang meningkat pada tahun 2007 kepada 3,131 peserta.

Sebagai bukti kejayaan program ini, didapati para peserta yang telah berjaya meraih pendapatan dalam bidang pertanian dan perikanan.

Sebagai kesimpulan, MMPPPN ternyata memberi impak yang signifikan dan sejajar dengan seruan kerajaan dalam membantu dan memulakan peluang golongan petani, penternak dan nelayan mempertingkatkan pendapatan dan sekali gus taraf hidup.

Program tersebut juga sebagai pemangkin dalam mencapai matlamat Sifar PPRTR 2010.

## TKPM tarik penyertaan belia

PROJEK Taman Kekal Pengeluaran Makanan atau TKPM merupakan satu inisiatif kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan di dalam negara serta menggalakkan penglibatan pihak swasta untuk berkecimpung di dalam bidang pertanian.

Projek ini telah mula diperkenalkan sejak tahun 2000 atau dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) bertujuan antara lain untuk melahirkan usahawan tani berjaya berpendapatan sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan.

Model pelaksanaan projek ini adalah menerusi kerjasama antara Jabatan Pertanian yang menyediakan infrastruktur asas bagi membolehkan peserta melabur dalam pengoepresiasi kawasan pertanian.

Difahamkan sehingga 2005, sebanyak 32 TKPM yang merangkumi kawasan seluas 4,085 hektar telah diwujudkan dan beroperasi di seluruh negara.

Anggaran pengusaha yang terlibat adalah seramai 338 orang dengan kuantiti pengeluaran tanaman pada tahun 2005 mencapai 16 juta tan

metrik yang bernilai RM18.49 juta.

Program ini telah terbukti berjaya berdasarkan kepada permintaan yang semakin bertambah terutama pengusaha generasi muda yang terlibat dalam tanaman sayur-sayuran menerusi teknologi fertigasi.

Mereka bukan sahaja mampu memperoleh pendapatan lumayan tetapi teknologi tersebut menjadi semakin popular di kalangan graduan dan belia dan ramai mendaftar untuk menyertai inkubator sebelum di serapkan dalam kawasan TKPM.

Misalnya di Agrotek Berjantai Bestari, Selangor, belia tidak lagi menganggap pertanian sebagai melecehkan atau berjemur di bawah terik matahari, semata-mata, sebaliknya melihat projek fertigasi yang mereka sertai menjadikan golongan tersebut sebagai usahawan tani berjaya.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dijangka melancarkan TKPM peringkat kebangsaan di Lanchang, Pahang yang mana ia melibatkan kawasan sehingga 4,000 ekar dan sebagai bukti kerajaan serius dengan projek tersebut.



**TEKNOLOGI fertigasi yang diperkenalkan menerusi Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) berjaya menarik penyertaan belia dalam pertanian moden.**